



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

15 MEI 2025 (KHAMIS)

KELANTAN PENERAJU INDUSTRI DAGING WAGYU

MEDIA

Sinar Harian

RUANGAN

Negeri

MUKA SURAT

23

TARIKH

15 Mei



Tuan Mohd Saripudin (enam dari kiri) berharap Kelgyu dapat menjadi peneraju utama produk wagyu tempatan khususnya di Kelantan.

Kelantan peneraju industri daging wagyu

Permintaan daging wagyu semakin meningkat dalam kalangan pengusaha restoran mewah

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN
KOTA BHARU



Kelantan bakal menjadi peneraju industri daging wagyu apabila pusat ternakan Kelgyu milik Kelfarm Sdn Bhd membuka cawangan baharu di Seribong, Limbat di Kota Bharu.

Kelantan bakal menjadi peneraju industri daging wagyu apabila pusat ternakan Lembu Wagyu Kelantan (Kelgyu) milik Kelfarm Sdn Bhd membuka cawangan baharu di Seribong, Limbat di sini.

Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi, Datuk Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, pembangunan pusat ternakan tersebut merangkumi pembinaan kandang lembu tertutup berkapasiti antara 120 hingga 150 ekor.

"Selain itu, pusat ini boleh menumpukan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) mampan bagi penghasilan lembu wagyu tempatan.

"Permintaan terhadap daging wagyu semakin meningkat dalam kalangan pengusaha restoran mewah, bahkan turut mendapat sambutan dalam kalangan pengguna domestik yang semakin mengutamakan daging berkualiti tinggi daripada sumber tempatan," katanya dalam satu hantaran di Facebook pada Rabu.

Menurut beliau, Kelgyu diharap dapat menjadi peneraju utama dalam memperkukuh kedudukan produk wagyu tempatan di pasaran, khususnya di Kelantan.

Ujarnya, inisiatif berkenaan merupakan sebahagian daripada projek di bawah Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan Tahun 2024 yang menekankan pengoptimuman penggunaan tanah.

Tuan Mohd Saripudin memberitahu, projek itu dilaksanakan dengan kerjasama kerajaan negeri, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) serta penglibatan strategik Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan (JPVNM).

Sinar Harian sebelum ini melaporkan Jajahan Bachok menjadi perintis ternakan lembu baka wagyu apabila

ia diusahakan secara intensif.

Ini dapat dilihat apabila 15 lembu baka tersebut berjaya dibiakkan di Kampung Seneng, Jelawat.

Menurut Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, negara bakal mempunyai ternakan lembu baka wagyu sendiri selepas Jepun, Australia dan Thailand kerana mempunyai potensi cerah jika diusahakan secara bersungguh-sungguh serta sistematik.

Menurut beliau, semua pihak termasuk agensi pusat dan negeri perlu bekerjasama dalam membantu mengembangkan lagi usaha ini.

"Usaha dijalankan secara intensif di Jelawat ini mampu berkembang dengan bantuan sains serta teknologi.

"Hal ini kerana ternakan ini memerlukan penjagaan sepenuh masa," katanya.

Orang ramai yang ingin membuat sebarang aduan atau melaporkan masalah dihadapi boleh berbuat demikian dengan menghantar mesej ke aplikasi WhatsApp menerusi nombor telefon 019-2650823 atau e-mel aduan@sinarharian.com.my selain hubungi talian 03-51017469

10 pagi hingga
8 malam setiap hari

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR